

Artikel

**Pengaruh Institusi dalam Isu 3R (Bangsa, Agama & Raja) Di Malaysia:
Analisis Teori Institusionalisme Diskursif Dan Konstruktivis**
*(The Influence of Institutions on the 3R Issues (Race, Religion & Royalty) In Malaysia:
An Analysis of Discursive and Constructivist Institutionalism Theories)*

Muhammad Asyraf Wajdi Zakaria^{1*} & Abdul Muein Abadi¹

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: m.asyraf0701@gmail.com

Diserah: 10 Julai 2025 / Diterima: 02 Januari 2026

Abstrak: Isu bangsa, agama dan raja (3R) di Malaysia sering dianggap sensitif dan dijadikan alasan mengehadkan kebebasan bersuara. Namun, cara institusi menyelaras dan menyebarkan wacana 3R sehingga membina norma sensitiviti serta batas ucapan masih kurang dibincangkan. Objektif kajian adalah menganalisis bagaimana institusi di Malaysia seperti kerajaan, media arus perdana dan agensi penguatkuasaan menggunakan wacana rasmi 3R untuk membentuk persepsi awam dan mempertahankan legitimasi melalui pendekatan institusionalisme diskursif dan konstruktivis. Analisis kandungan digunakan bagi menilai laporan media arus perdana dan digital berkaitan perbincangan 3R merangkumi kenyataan politik, tindakan undang-undang serta kawalan platform digital. Data terdiri daripada 11 kes dari November 2022 hingga Disember 2025. Hasil kajian menunjukkan institusi menggunakan retorik kestabilan dan keharmonian sosial untuk mewajarkan sekatan hak bersuara sementara 3R berfungsi sebagai instrumen politik bagi mengekalkan dominasi elit pemerintah. Media arus perdana cenderung mengukuhkan naratif institusi manakala platform digital yang lebih terbuka tetap dipantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Kesimpulannya, institusi bukan sekadar penyampai maklumat malahan, berperanan sebagai mekanisme kawalan sosial berasaskan norma dan wacana strategik yang menentukan apa yang boleh atau tidak boleh diucapkan.

Kata kunci: Isu 3R; peranan institusi; kebebasan bersuara di Malaysia; institusionalisme diskursif; institusionalisme konstruktivis.

Abstract: Race, religion and royalty (3R) issues in Malaysia are widely treated as sensitive and often invoked to curb freedom of speech. Yet how institutions coordinate and circulate 3R discourse to establish norms of sensitivity and limits on speech remains underexamined. This study analyses how the institutions like government, mainstream media and enforcement agencies deploy official 3R narratives to shape public perceptions and sustain legitimacy using discursive and constructivist institutionalism. A content analysis of mainstream and digital media reports covers political statements, legal actions and the regulation of digital platforms. The dataset comprises 11 cases from November 2022 to December 2025. Findings show that institutions draw on the rhetoric of stability and social harmony to legitimise speech restrictions while 3R operates as a political instrument that maintains ruling-elite dominance. Mainstream outlets tend to amplify institutional frames whereas more open digital platforms remain monitored by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). Overall, institutions act not only as information channels but as mechanisms of social control using norms and strategic discourse to define what may and may not be said.

Keywords: 3R issue; institutional role; freedom of speech in Malaysia; discursive institutionalism; constructivist institutionalism.

Pengenalan

Isu bangsa, agama, dan raja (3R) di Malaysia merupakan satu perdebatan akademik dan turut menjadi faktor dominan dalam pembentukan dasar, penyebaran naratif politik serta kawalan terhadap kebebasan bersuara dalam negara. Sejak pra-kemerdekaan, elemen 3R telah menjadi sebahagian daripada struktur institusi negara, terutamanya dalam menentukan kedudukan politik, ekonomi, dan budaya masyarakat Malaysia (Malhi, 2015). Kedudukan institusi diraja, Islam sebagai agama Persekutuan serta hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan telah menjadikan isu 3R antara elemen utama dalam komunikasi politik dan institusi (Abdul Hamid & Zawawi, 2023). Walaubagaimanapun, isu ini tidak hanya terbatas kepada aspek sejarah dan identiti nasional malahan telah berkembang menjadi instrumen yang digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan untuk membentuk wacana awam serta mengawal kebebasan bersuara dalam masyarakat (Mohd Sani & Shah, 2020).

Kebebasan bersuara di Malaysia dijamin oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan (Mohd Sani & Shah, 2020) namun isu 3R sering digunakan untuk menghadkan ucapan melalui undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) demi keharmonian sosial (Islam, 2019; Abdul Rahman, 2017). Dalam wacana awam, kebebasan bersuara terutamanya dalam isu 3R kerap dibingkaikan sebagai ancaman kepada kestabilan dalam masyarakat di Malaysia (Nor & Gale, 2021). Justeru, kajian ini menilai sejauh mana pengaruh institusi dalam pengurusan 3R benar-benar berorientasikan kestabilan atau turut berfungsi sebagai mekanisme mengawal wacana awam dan mempertahankan status quo, serta implikasinya terhadap ruang demokrasi dan kebebasan bersuara.

Walaupun isu 3R sering dibincangkan dalam kajian lepas, perbincangan tersebut lazimnya tertumpu pada dimensi perundangan dan penguatkuasaan manakala mekanisme institusi dalam menghasilkan, menyelaraskan dan menyebarkan wacana 3R merentas aktor serta bagaimana proses ini membentuk sempadan norma tentang perkara yang “boleh” dan “tidak boleh” diucapkan masih kurang diuraikan. Contohnya, Mohd Sani dan Shah (2020) meneliti penggunaan Akta Hasutan dalam menangani ucapan yang menyentuh kerajaan atau institusi diraja, manakala Nor dan Gale (2021) memfokuskan peranan AKM 1998 dalam memperketat kawalan wacana digital. Zamri et al. (2023) pula menonjolkan dilema antara keselamatan awam dan pemeliharaan hak asasi apabila kawalan digital semakin ketat, sementara Shah (2022) mengaitkan dinamik 3R dengan landskap demokrasi dan tadbir urus perlembagaan. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan meneliti pembinaan, pengabsahan dan kesan wacana institusi berkaitan 3R terhadap ruang kebebasan bersuara.


Kajian ini menggabungkan teori institusionalisme diskursif dan institusionalisme konstruktivis (Schmidt, 2017; Hay, 2017). Gabungan kedua-duanya membolehkan analisis bergerak daripada penghasilan dan penyebaran wacana institusi kepada penginstitutionan norma serta pengesahan tindakan dalam pengurusan isu 3R (Schmidt, 2017; Hay, 2017). Sekiranya hanya institusionalisme diskursif sahaja yang digunakan, analisis akan lebih tertumpu pada bagaimana wacana disusun dan disampaikan semata-mata. Begitu juga sekiranya pendekatan institusionalisme konstruktivis sahaja digunakan kerana ia kurang memfokuskan proses penyelarasan serta komunikasi wacana oleh institusi maka, gabungan kedua-dua teori ini akan memberikan penjelasan yang lebih lengkap.

Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis peranan institusi dalam membentuk dan mengurus wacana 3R di Malaysia serta kesannya terhadap kebebasan bersuara. Terdapat tiga persoalan utama yang diketengahkan iaitu bagaimana institusi menyelaraskan dan menyampaikan wacana 3R dalam ruang awam, bagaimana wacana tersebut membentuk serta mengekalkan norma sensitiviti 3R yang menetapkan batas ucapan dan bagaimana peranan media arus perdana atau digital serta agensi penguatkuasaan memperkukuh mekanisme tersebut.

Teori Institusionalisme Diskursif & Konstruktivis

Teori institusionalisme diskursif dan konstruktivis menjelaskan bagaimana institusi membentuk, mengawal dan mengukuhkan suatu wacana. Kedua-duanya menegaskan bahawa institusi tidak hanya struktur formal yang menetapkan peraturan dan dasar malahan membentuk norma sosial serta realiti politik melalui idea dan wacana (Schmidt, 2017). Dalam kerangka institusionalisme diskursif, wacana menjadi asas pembinaan legitimasi dan pengesahan institusi melalui dua bentuk utama iaitu wacana koordinatif yang melibatkan komunikasi dalam kalangan aktor politik untuk merancang dan melaksanakan dasar. Kedua, wacana komunikatif iaitu interaksi antara aktor politik dengan masyarakat untuk mendapatkan penerimaan dan sokongan terhadap dasar (Barrett et al., 2021; Schmidt, 2017). Pendekatan ini juga menganalisis bagaimana perubahan dasar berkembang melalui interaksi wacana antara aktor politik, media dan masyarakat menjadikannya sesuai untuk memahami dinamika politik moden (Schmidt, 2017).

Institusionalisme konstruktivis menegaskan bahawa realiti sosial dibentuk oleh norma, nilai dan idea yang dipegang aktor dalam institusi dan set norma ini membingkai tingkah laku serta memberi legitimasi kepada tindakan institusi. Melalui interaksi berterusan antara struktur institusi dan aktor, norma dan naratif boleh diinstitusikan seterusnya menerangkan bagaimana perubahan institusi berlaku dalam konteks sosial tertentu (Hay, 2017). Rajah 1 merumuskan hubungan institusionalisme diskursif dan konstruktivis sebagai kerangka analisis kajian dengan aliran daripada respons institusi kepada pembentukan norma sensitiviti 3R dan seterusnya penetapan sempadan ucapan. Dalam kerangka ini, wacana menjadi asas justifikasi tindakan institusi, manakala norma membimbing tingkah laku dan naratif memberi makna melalui cerita serta simbolisme yang dikongsi. Kedua-dua teori ini dipautkan oleh konsep legitimasi dan pengesahan iaitu bagaimana institusi menggunakan wacana untuk mengukuhkan norma sedia ada atau mencabar norma yang tidak lagi relevan. Interaksi wacana-norma inilah yang menyokong transformasi institusi melalui pengaruh timbal balik antara nilai sosial dan wacana institusi (Schmidt, 2017; Hay, 2017).



Rajah 1. Institusionalisme diskursif dan institusionalisme konstruktivis (Schmidt, 2017; Hay, 2017)

Berdasarkan Rajah 1, isu 3R dipotretkan sebagai proses tadbir urus ucapan yang menggabungkan tiga elemen. Pertama, sekatan ucapan berlaku melalui sekatan formal seperti penguatkuasaan undang-undang dan tidak formal iaitu norma sosial yang boleh menghasilkan *chilling effect* apabila individu menahan diri kerana ketidakpastian tafsiran serta risiko tindakan (Schauer, 1978). Kedua, *securitization* merujuk kepada proses melabel ucapan sebagai “ancaman” terhadap ketenteraman atau keharmonian sehingga langkah kawalan diwajibkan melalui tindakan wacana oleh aktor berautoriti bergantung pada konteks dan penerimaan khalayak

(Buzan et al., 1998; Williams, 2003; Balzacq, 2011). Ketiga, kuasa institusi media membentuk kefahaman awam melalui rutin institusi, *gatekeeping* dan pemilihan sumber rasmi lalu cenderung menonjolkan pandangan pihak berkuasa serta mengecilkan ruang pandangan berbeza (Cook, 2012; Shoemaker & Vos, 2009; Bennett, 1990). Ringkasnya, ketiga-tiga elemen ini menjelaskan bagaimana wacana “keharmonian” berfungsi sebagai justifikasi batasan ucapan kerana ia tidak sekadar nilai moral tetapi juga instrumen tindakan institusi dalam mengurus isu sensitif dan mengukuhkan kerangka analisis respons institusi terhadap 3R (Neo, 2019).

Hak kebebasan bersuara di Malaysia

Secara asasnya, hak kebebasan bersuara di Malaysia merupakan teras demokrasi dan dijamin melalui Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan. Namun, hak ini tidak mutlak kerana Perlembagaan membenarkan sekatan atas alasan keselamatan negara, ketenteraman awam dan moraliti. Daripada sudut sejarah, kawalan terhadap wacana politik di Malaysia dipengaruhi legasi era penjajahan British melalui Akta Hasutan 1948 (Sharma, 2019). Selepas peristiwa 13 Mei 1969, pendekatan keselamatan telah diperkukuh melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Walaupun ISA dimansuhkan pada 2012, kerangka kawalannya masih tetap diteruskan melalui undang-undang lain iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) di samping AKM 1998 serta Akta Rahsia Rasmi 1972 (Nor & Gale, 2021).

Sekatan kebebasan bersuara sering dikritik kerana berpotensi mengekang suara yang tidak sehaluan dengan pemerintah. Misalnya, Akta Hasutan 1948 digunakan untuk mengehadkan ucapan atau penerbitan yang ditafsir menimbulkan kebencian terhadap kerajaan atau institusi diraja termasuklah isu yang menjejaskan keharmonian kaum dan agama. Mohd Sani dan Shah (2020) menjelaskan akta ini kerap dikenakan terhadap pengkritik dasar kerajaan atau institusi diraja. Dalam ruang digital, AKM 1998 membolehkan tindakan terhadap kandungan dalam talian yang dianggap mengganggu ketenteraman awam di samping memperketat kawalan wacana digital (Nor & Gale, 2021). Akta Rahsia Rasmi 1972 pula digunakan untuk mengehadkan akses kepada maklumat kerajaan sekali gus menimbulkan persoalan tentang ketelusan dan akauntabiliti pentadbiran (Yusoff & Nordin, 2021). Dalam konteks ini, Zamri et al. (2023) menegaskan wujud dilema antara keperluan keselamatan awam dan pemeliharaan hak asasi, khususnya apabila pengawalseliaan digital semakin ketat.

Melalui asas sekatan kebebasan bersuara terutamanya dalam isu etnik dan agama, Mohd Sani (2008) menegaskan bahawa ia adalah untuk menjaga kestabilan politik dan keharmonian kaum sebagaimana yang dibenarkan dalam Perlembagaan. Dalam konteks sejarah, interaksi yang berlaku antara ketiga-tiga elemen ini adalah teras kepada landskap politik di Malaysia kerana ia mempengaruhi faktor demokrasi dan tadbir urus perlembagaan Malaysia (Shah, 2022). Konteks pemerintahan diraja Melayu turut berperanan penting untuk membuat suatu keputusan politik terutamanya apabila berlakunya ketidaktentuan dalam situasi politik negara (Abdul Hamid & Zawawi, 2023). Walaupun isu 3R ini berperanan penting terhadap identiti dan tadbir urus negara, ia juga mempunyai sudut negatif disebabkan isu yang timbul memberikan cabaran besar terutamanya dalam batasan kebebasan bersuara.

Peranan institusi dalam membentuk dan mengawal wacana kebebasan bersuara di Malaysia wajar diberi perhatian kerana kerajaan melalui pelbagai agensi dan institusi perundangan sering menggunakan dasar serta undang-undang untuk menyelaraskan komunikasi awam dan menentukan batas kebebasan bersuara. Hamanduna dan Widjanarko (2023) menegaskan institusi politik dan undang-undang berperanan sebagai penapis utama dalam menentukan kandungan wacana yang boleh diterima masyarakat dan corak yang sama turut ketara dalam isu 3R. Dalam keadaan tertentu, kawalan institusi boleh mengehadkan perbincangan terbuka terutamanya berkaitan dasar kerajaan dan kepentingan awam. Menurut Meerangani et al. (2024), SKMM memainkan peranan penting dalam mengawal naratif digital berkaitan 3R di mana selepas PRU-14, retorik 3R semakin dominan sehingga menyebabkan berlakunya ketegangan sosial seterusnya mendorong tindakan terhadap kandungan yang dianggap mengancam keharmonian. Namun, pendekatan ini turut dikritik kerana berpotensi menyekat kebebasan bersuara yang sah.

Hak kebebasan bersuara di Malaysia bersifat kompleks dan sentiasa berada dalam ketegangan antara tuntutan kestabilan negara dan hak rakyat untuk bersuara. Institusi berperanan menentukan ruang kebebasan bersuara melalui undang-undang serta komunikasi institusi yang membentuk dan mengawal wacana awam. Dalam konteks media digital, walaupun platform dalam talian membuka ruang kepada rakyat menyuarakan

pandangan, kawalan yang semakin ketat menunjukkan usaha berterusan untuk mengawal naratif dan mengehadkan kebebasan bersuara. Justeru, institusionalisme diskursif dan konstruktivis penting untuk memahami bagaimana wacana dan norma digunakan bagi menjustifikasi sekatan, serta bagaimana pendekatan yang lebih inklusif boleh mewujudkan ruang wacana yang lebih kritikal dan membina.

Perkembangan isu 3R di Malaysia

Sejarah 3R di Malaysia bermula sejak zaman penjajahan apabila dasar pecah dan perintah British membentuk struktur sosial dan ekonomi berdasarkan kaum. Bangsa Melayu diberikan peranan utama dalam sektor pertanian, manakala kaum Cina dan India terlibat dalam sektor perindustrian dan perlombongan. Pembentukan Perlembagaan Persekutuan juga memberi keistimewaan kepada bangsa Melayu dan institusi raja-raja Melayu, manakala Islam diisytiharkan sebagai agama rasmi negara. Isu ini terus berkembang apabila dasar seperti Dasar Ekonomi Baru memperkukuh identiti bangsa dan agama sebagai asas pembentukan negara (Sulong et al., 2019).

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mengubah cara isu 3R diurus dan dibincangkan di Malaysia. Perbincangan 3R kini tidak lagi tertumpu pada kerajaan dan media arus perdana sebaliknya semakin dipacu oleh platform digital termasuk media sosial. Meerangani et al. (2024) menegaskan peningkatan penggunaan media sosial sebagai medium perbincangan awam telah mengubah cara masyarakat memahami dan berinteraksi dengan isu 3R. Namun, ruang digital turut membawa kesan negatif apabila maklumat tidak sahih dan manipulatif mudah tersebar terutamanya oleh pihak berkepentingan politik. Shah (2022) berhujah maklumat palsu berkaitan 3R boleh mencetuskan ketegangan antara kaum, menjejaskan kepercayaan terhadap institusi dan sering dieksploitasi aktor politik untuk meraih sokongan. Selari dengan itu, Nor dan Gale (2021) menyatakan berita palsu tentang bangsa dan agama kerap disebarkan untuk mencetuskan ketegangan sosial sekali gus mengukuhkan stereotaip perkauman dan menjejaskan keharmonian masyarakat.

Dalam skop pengaruh politik, Jerome et al. (2024) menegaskan media sosial kini menjadi platform utama wacana 3R di Malaysia namun pada masa yang sama, turut memperlihatkan kepelbagaian masyarakat. Ini kerana aktor politik seperti parti, pemimpin kerajaan dan kumpulan berkepentingan menggunakan isu bangsa dan agama untuk mengukuhkan pengaruh melalui strategi komunikasi digital termasuklah memanipulasi isu sensitif untuk menarik perhatian pengundi dan membentuk pandangan awam terhadap dasar serta kepimpinan. Dapatan ini selari dengan Saidin dan Azrun (2024) yang menyatakan institusi politik turut mengeksploitasi isu 3R untuk mengekalkan pengaruh terutamanya melalui naratif 3R dalam kempen pilihan raya. Akhirnya, penggunaan 3R sebagai instrumen politik berpotensi mencetus pertelingkahan, menimbulkan kebimbangan tentang kestabilan sosial dan memberi kesan jangka panjang terhadap keharmonian antara kaum di Malaysia.

Segala cabaran dalam menangani isu 3R di sebalik perkembangan teknologi menunjukkan bahawa institusi kerajaan mempunyai peranan penting dalam menangani cabaran tersebut melalui kawalan dan pengawalseliaan. Ini kerana Shukri (2023) dalam kajiannya menekankan supaya institusi seperti SKMM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berperanan dalam memperketatkan kawalan terhadap kandungan yang berkaitan isu 3R (Anggrayni et al., 2017) terutamanya secara dalam talian demi memastikan keharmonian sosial. Hal ini kerana Aminnuddin (2020) menyatakan bahawa meskipun kebebasan bersuara itu adalah suatu hak yang penting, ia juga boleh mengundang kepada ketegangan antara kaum sekiranya tidak diuruskan dengan baik.

Kesimpulannya, isu 3R di Malaysia perlu dilihat secara menyeluruh kerana merangkumi aspek sejarah, peranan institusi, perkembangan media dan digital serta dinamika politik. Elemen 3R sering dimanfaatkan untuk mengukuhkan identiti nasional dan kestabilan politik. Dalam konteks media digital, penyebaran maklumat tidak tepat dan eksploitasi 3R sebagai strategi politik telah meningkatkan ketegangan dalam masyarakat serta memberi kesan terhadap hak kebebasan bersuara. Institusi berperanan mengawal kandungan berkaitan 3R, namun kawalan tersebut turut menimbulkan persoalan tentang hak demokratik rakyat. Walaupun media arus perdana dan digital menyediakan ruang perbincangan, wacana yang terbentuk sering dipengaruhi dan dikawal oleh kumpulan berkepentingan yang menggunakan isu ini untuk tujuan politik.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengkaji dan memahami bagaimana institusi di Malaysia membentuk, menyampaikan dan mempengaruhi perbincangan berkaitan isu 3R dalam skop kebebasan bersuara di Malaysia. Selari dengan Rajah 1, proses pengkodan memfokuskan kepada wacana iaitu koordinatif atau komunikatif, jenis respons institusi seperti siasatan atau pendakwaan dan kesannya terhadap norma sensitiviti 3R serta sempadan ucapan. Data kajian adalah daripada laporan berita secara talian seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Astro Awani dan Malaysiakini bagi tempoh bermula dari November 2022 sehingga Disember 2025. Tempoh ini dipilih kerana ia merangkumi fasa awal pemerintahan Kerajaan Perpaduan dan ini membolehkan analisis dapat dilakukan dalam satu konteks pentadbiran yang sama terutamanya daripada segi naratif rasmi dan pola respons institusi terhadap isu 3R.

Sebanyak 11 kes dipilih melalui persampelan bertujuan berdasarkan kriteria tertentu. Contohnya, kes tersebut melibatkan sekurang-kurangnya satu elemen 3R, mempunyai respons institusi seperti kenyataan atau tindakan rasmi dan mengandungi maklumat laporan yang mencukupi untuk dianalisis. Komentar pembaca dan laporan umum tanpa rujukan jelas diketepikan. Semua kes dihipunkan dan dikategorikan menggunakan kata kunci “bangsa, agama dan raja”. Bilangan kes dihadkan kepada 11 kerana kajian ini bersifat kualitatif dan memerlukan analisis mendalam bukannya liputan menyeluruh bagi semua kes 3R dalam tempoh kajian. Oleh itu, pemilihan kes tidak bergantung pada sensasi semata-mata tetapi ia berfungsi sebagai sokongan untuk memastikan data mencukupi manakala penentuan akhir bergantung pada kewujudan kenyataan atau tindakan institusi yang boleh disahkan. Jadual 1 merumuskan 11 kes yang dipilih untuk analisis kajian ini.

Jadual 1. Senarai Kes 3R

Bil	Ringkasan Kes
Bangsa	
1	Hantaran palsu berunsur perkauman (ADUN Manjoi, Perak)
2	Cina & India Malaysia tidak sepenuhnya setia kepada negara (Tun Dr. Mahathir)
3	Seruan “mata, kulit dan darah yang sama” supaya bersatu (Razman Zakaria)
Agama	
4	DAP mahu kekalkan pengertian Islam ikut liberalisme Barat (Abdul Hadi Awang)
5	“Gelombang hijau” musnahkan tokong/nafi hak agama (Lim Guan Eng)
6	Isu pensijilan halal (Teresa Kok)
7	Komentar jelik berkaitan Islam (Harith Iskander & Cecelia Yap)
Institusi Diraja	
8	Sanusi menghina Sultan Selangor
9	“Orang Melayu tidak boleh bergantung kepada Raja-Raja Melayu” (Tun Dr. Mahathir)
10	Muhyiddin mempertikaikan peranan YDPA/Sultan (pelantikan PM)
11	Iswardy Morni didenda menghina Sultan Abdullah/YDPA

Dalam kajian ini, istilah 3R ditakrifkan sebagai laporan atau teks yang merujuk secara jelas kepada sekurang-kurangnya satu elemen bangsa, agama atau institusi diraja bagi mengelakkan sempadan analisis menjadi terlalu umum. Pengkategorian dibuat berdasarkan indikator dan kata kunci tertentu. Contohnya, bangsa merujuk kepada etnik atau hubungan kaum, stereotaip atau hierarki sosial seperti Melayu, Cina, India, Bumiputera, pendatang, hak istimewa dan perkauman. Agama merujuk kepada agama atau amalan tertentu, isu atau konflik yang menyentuh sensitiviti seperti Islam, Kristian, Hindu, Buddha, penghinaan agama. Institusi diraja merujuk kepada Raja, Sultan, Yang di-Pertuan Agong (YDPA), institusi atau autoriti diraja dan derhaka. Satu laporan berita atau artikel penuh yang memenuhi kriteria ini ditetapkan sebagai unit analisis. Laporan yang hanya menyebut istilah umum seperti “sensitiviti”, “kestabilan” atau “keharmonian” tanpa rujukan substantif kepada elemen 3R tidak diklasifikasikan sebagai data 3R. Jika satu kes melibatkan lebih daripada satu elemen, ia dikodkan sebagai multidimensi, namun untuk tujuan contoh pengkategorian, kes diletakkan di bawah elemen yang paling dominan.

Proses analisis data kajian ini melibatkan tiga langkah utama. Pertama, laporan berita atas talian dianalisis untuk mengenal pasti tema melalui pengkodan terbuka, dengan kod awal seperti “mengekal kestabilan”, “disiasat mengikut Akta Hasutan atau AKM” dan “ancaman terhadap keharmonian”. Kedua, tema

yang dikenal pasti diteliti melalui pembacaan rapi dan dihubungkan dengan fokus kajian seperti pengaruh institusi, sentimen 3R dan kebebasan bersuara serta dipetakan kepada kerangka institusionalisme diskursif dan konstruktivis bagi memahami penggunaan wacana institusi dalam membentuk persepsi dan legitimasi. Ketiga, dapatan digabungkan untuk menghuraikan bagaimana isu 3R dipotretkan melalui lensa institusionalisme dan implikasinya terhadap hak kebebasan bersuara. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan, senarai kod bersertakan definisi dan contoh disediakan sebagai panduan pengkodan di samping nota analisis direkodkan sepanjang proses untuk menjelaskan rasional pengkategorian kod dan perubahan yang dibuat. Nota ini turut berperanan sebagai jejak proses analisis untuk menunjukkan bagaimana tema dibentuk daripada data. Selain itu, keputusan pengkodan dan tema yang muncul turut dibincangkan bersama penyelia secara berkala sebagai langkah semakan rakan atau peer debriefing bagi menyelaraskan tafsiran, definisi kod diperhalusi dan mengurangkan bias sebelum tema dimuktamadkan.

Hasil Kajian

Bahagian ini menghuraikan contoh-contoh kes isu 3R yang dilaporkan dalam media atas talian dengan mengkategorikannya kepada tiga tema utama iaitu bangsa, agama dan raja. Bagi setiap kes, analisis dibuat menggunakan gabungan institusionalisme diskursif dan institusionalisme konstruktivis bagi menilai pembingkai wacana, respons institusi serta peranan media dan seterusnya kesan terhadap norma sensitiviti 3R serta sempadan ucapan dalam ruang awam.

Bangsa

Hantaran palsu berunsur perkauman berkaitan insiden wanita naik pentas

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manjoi, Mohd Hafez Sabri dipanggil untuk dirakam keterangan oleh SKMM bersama PDRM susulan penyebaran hantaran palsu berunsur perkauman di media sosial berkaitan insiden seorang wanita menaiki pentas semasa sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Perak di Ipoh pada 31 Ogos 2025. Dalam hantaran tersebut, beliau mendakwa wanita itu berketurunan Cina. Namun, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, M Kumar menegaskan dakwaan itu tidak benar dan berpotensi mencetuskan ketegangan kaum serta persepsi negatif dalam kalangan orang awam. Sehubungan itu, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 233 AKM 1998 berkaitan penyalahgunaan perkhidmatan rangkaian (Malaysiakini, 2025). Secara diskursif, hantaran tersebut membingkaikan insiden keselamatan sebagai suatu naratif perkauman seterusnya telah mengalihkan perhatian daripada isu fakta kepada bentuk “ancaman” dalam konteks kaum. Secara konstruktivis, tindakan rakaman keterangan dan siasatan oleh SKMM menunjukkan penegasan norma mengenai peristiwa awam secara perkauman terutamanya apabila ia bersifat palsu adalah suatu bentuk ucapan yang melampaui batas dan perlu dikawal di samping mengukuhkan batasan ucapan dalam ruang digital.

Cina dan India Malaysia tidak sepenuhnya setia kepada negara

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, atau Tun M telah mengeluarkan kenyataan bersifat perkauman iaitu penduduk Cina dan India di Malaysia tidak sepenuhnya setia kepada negara kerana mereka masih mengekalkan hubungan dengan negara asal mereka dalam satu temubual dengan TV Satelit India, Thanti TV (Sumali, 2024). Oleh itu, beliau telah disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia berhubung kenyataan yang dikeluarkannya itu (Sulaiman, 2024). Secara diskursif, kenyataan Tun Dr. Mahathir mengukuhkan naratif bahawa Melayu ialah teras bangsa manakala kesetiaan bukan Melayu sentiasa dipersoal. Secara konstruktivis, siasatan polis dan perbahasan awam menginstitusikan norma bahawa komuniti bukan Melayu perlu terus “membuktikan” kesetiaan serentak membina sempadan halus tentang siapa yang dianggap sah dalam imaginasi politik negara.

Individu yang memiliki mata, kulit dan darah yang sama supaya bersatu

Ketua Pesuruhjaya Pas Perak merangkap ADUN Gunung Semanggol, Razman Zakaria memuat naik video di Facebook semasa perhimpunan di Menara Condong Teluk Intan yang menyeru individu yang mempunyai “mata, kulit dan darah yang sama” untuk bersatu, sambil menunjukkan fizikalnya. Hantaran itu dibuat sebagai

reaksi terhadap isu pengibaran bendera China di lokasi sama semasa ‘Malaysia Guang Ze Zun Wang Cultural Festival 2024’. Susulan hantaran yang didakwa palsu dan jelik, beliau dipanggil oleh SKMM serta disiasat di bawah Seksyen 233 AKM 1998 (Malaysiakini, 2024; Sinar Harian, 2024). Secara diskursif, hantaran Razman menggerakkan solidariti kaum berasaskan identiti fizikal sambil membingkai pengibaran bendera China sebagai ancaman terhadap “kumpulan bangsa yang sah” di Malaysia. Secara konstruktivis, tindakan SKMM dan siasatan di bawah Seksyen 233 mengukuhkan norma sensitiviti 3R serta menetapkan sempadan tentang sejauh mana sentimen kaum boleh dimobilisasi sebelum dianggap melampaui batas.

Agama

DAP mahu mengekalkan pengertian Islam mengikut liberalisme dan kebebasan negara barat

Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang telah mengeluarkan kenyataan bahawa parti DAP mahu mengekalkan pengertian Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan mengikut tafsiran penjajah yang menjunjung liberalisme dan kebebasan yang diamalkan di negara barat. Oleh itu, beliau telah disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 AKM 1998 (Ismail, 2023). Secara diskursif, kenyataan Abdul Hadi menggambarkan DAP sebagai ancaman kepada kedudukan Islam melalui naratif “liberalisme Barat” manakala siasatan di bawah Akta Hasutan dan AKM serta liputan media mengisyaratkan kewajaran tindakan institusi kepada khalayak. Secara konstruktivis, gabungan retorik dan tindakan institusi menstabilkan norma bahawa tafsiran semula kedudukan Islam dengan rujukan liberalisme berada di luar batas kebebasan bersuara, sekali gus menghadkan cara Islam dibicarakan dalam ruang awam.

Gelombang hijau bakal memusnahkan tokong dan menafikan hak agama di Pulau Pinang

Ahli Parlimen Bagan yang merupakan Pengerusi DAP, Lim Guan Eng menyatakan bahawa gelombang hijau akan memusnahkan tokong serta menafikan hak agama di Pulau Pinang sekiranya parti pembangkang di bawah Perikatan Nasional mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau mengeluarkan kenyataan ini sewaktu berkempen pada pilihanraya negeri (PRN) pada tahun 2023 lalu. Beliau telah disiasat di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 AKM 1998 (Nordin, 2023; Ramayah, 2023). Secara diskursif, kenyataan Lim Guan Eng yang ingin memobilisasi sokongan bukan Islam melalui naratif ancaman terhadap rumah ibadat manakala siasatan polis dan liputan media menandakan bahawa isu ini sebagai serius kepada masyarakat umum. Secara konstruktivis, interaksi antara retorik kempen dan respons institusi mengukuhkan norma bahawa naratif melampau tentang kemusnahan rumah ibadat adalah perkara yang menyentuh sensitiviti agama sekali gus menetapkan sempadan eksploitasi agama dalam retorik pilihan raya.

Isu pensijilan halal

Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok mengkritik cadangan pensijilan halal diwajibkan dan menegaskan ia wajar kekal sukarela agar pengusaha makanan dan minuman boleh membuat keputusan mengikut permintaan pasaran, bukan paksaan. Beliau berpandangan kewajipan sijil halal kepada restoran dan syarikat makanan hanya akan membebankan, khususnya perniagaan kecil, serta meningkatkan kos pentadbiran. Kenyataan yang menyentuh isu halal berkaitan agama Islam itu membawa kepada siasatan terhadap beliau di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 AKM 1998 (Nordin, 2024). Secara diskursif, kritikan Teresa Kok berkenaan isu halal sebagai persoalan dasar berkaitan beban kos dan logik pasaran manakala siasatan serta liputan media membentuk wacana institusi mengenai had kritikan terhadap mekanisme halal. Secara konstruktivis, tindakan penguatkuasaan menormalisasikan norma bahawa kritikan terhadap pensijilan halal mudah dibaca sebagai menyentuh sensitiviti Islam dan ini membina sempadan antara perbincangan dasar yang sah dan ucapan yang dianggap melampaui batas terhadap agama.

Komentari jelik berkaitan agama Islam di Facebook

Pelawak, Harith Iskander dan seorang wanita, Cecelia Yap, didenda kompaun RM10,000 setiap seorang di bawah Seksyen 233 AKM 1998 selepas memuat naik kandungan serta komentar jelik melibatkan agama Islam di Facebook. Kandungan tersebut berkait dengan ‘isu ham’ yang tular, apabila Cecelia menulis bahawa semua individu bernama “MoHAMmad” perlu menukar semula nama mereka, manakala Harith memuat naik gambar

segelas kopi berlabel “hamsap kopi” berharga RM5.50 (Ezreen, 2025; Rosli, 2025). Secara diskursif, kandungan Harith Iskander dan Cecelia Yap membentuk wacana di ruang digital yang menjadikan simbol atau nama berkaitan Islam sebagai bahan jenaka dan mudah tersebar kepada audiens. Secara konstruktivis, kompaun di bawah Seksyen 233 serta liputan media menegaskan bahawa menjadikan Islam sebagai satu objek jenaka ialah ucapan yang tidak boleh diterima seterusnya menetapkan sempadan tentang sejauh mana agama boleh disentuh dalam budaya popular dan media sosial.

Institusi Raja

Sanusi menghina Sultan Selangor

Datuk Seri Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah didakwa di mahkamah selepas didakwa menghina Sultan Selangor ketika berkempen di Selangor, termasuk mempersoalkan kredibiliti dan keupayaan baginda yang melantik Menteri Besar Selangor pada ketika itu. Susulan itu, beliau didakwa di bawah AKM 1998, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan (Mokhtar, 2023a). Namun, Sanusi kemudian memohon ampun kepada Sultan Selangor dan permohonan tersebut diterima lalu beliau dilepaskan dan dibebaskan daripada tuduhan menghasut (Astro Awani, 2024; Ali, 2024). Secara diskursif, kenyataan Sanusi mencabar kewibawaan Sultan dalam proses pelantikan kerajaan manakala pendakwaan serta liputan mengenai permohonan ampun membentuk wacana institusi tentang cara konflik dengan Raja harus diselesaikan. Secara konstruktivis, gabungan tindakan undang-undang dan penerimaan ampun menstabilkan norma bahawa kritikan terbuka terhadap Sultan berada di luar batas ucapan yang bersesuaian dan ini yang membezakan perbezaan pandangan politik yang boleh dipertimbangkan dengan ucapan yang dikategorikan sebagai derhaka.

Orang Melayu tidak boleh bergantung kepada Raja-Raja Melayu

Tun M memuat naik hantaran di Facebook yang menyatakan orang Melayu tidak boleh bergantung kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi mereka, dengan merujuk dakwaan bahawa semasa penjajahan British, Raja-Raja Melayu menyerahkan negeri-negeri mereka secara sukarela kepada British demi mengekalkan kedudukan sebagai “Raja” dan kuasa mereka (KiniTV, 2023). Susulan hantaran tersebut, beliau didakwa kerana menghina kedudukan institusi Diraja di bawah Seksyen 233 AKM 1998 dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 (Mokhtar, 2023b). Secara diskursif, hantaran Tun Dr. Mahathir menilai semula peranan sejarah institusi diraja terhadap orang Melayu, manakala pendakwaan dan liputan kes menandakan kenyataan itu sebagai isu serius kepada khalayak. Secara konstruktivis, interaksi antara naratif sejarah dan tindakan institusi membentuk norma bahawa mempertikaikan kesetiaan dan peranan Raja-Raja Melayu ialah bentuk ucapan sensitif serta penetapan sempadan wacana tentang sejauh mana institusi diraja boleh dikritik dalam ruang awam.

Muhyiddin Yassin mempertikaikan peranan Sultan Pahang

Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin didakwa di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 kerana mengeluarkan kenyataan yang didakwa cenderung menghasut ketika berkempen di Felda Perasu semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) Nenggiri. Dalam kenyataan itu, beliau mempersoalkan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 sambil menegaskan bahawa selepas PRU-15, beliau mempunyai majoriti mencukupi untuk membentuk kerajaan tetapi YDPA tetap melantik Anwar (Ezreen, 2024). Secara diskursif, ucapan Muhyiddin mbingkai keputusan Yang di-Pertuan Agong dalam pelantikan Perdana Menteri sebagai tidak selari dengan tuntutan umum politik manakala pendakwaan di bawah Akta Hasutan membentuk wacana institusi tentang had kritikan terhadap budi bicara diraja. Secara konstruktivis, respons ini menstabilkan norma bahawa kuasa Raja dalam pelantikan kerajaan ialah asas kestabilan perlembagaan dan ini jelas menggariskan sempadan mengenai pertikaian keputusan pelantikan diraja secara terbuka boleh dianggap melampaui batas ucapan politik yang sah.

Iswardy Morni didenda menghina Sultan Abdullah

Aktivis, Iswardy Morni telah didenda sebanyak RM5,000 kerana telah menyiarkan kenyataan yang berbaur hasutan dan menghina Yang Di-Pertuan Agong yang pada ketika itu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Dia telah membuat kenyataan menghasut di laman Facebook miliknya, Iswardy Morni Official di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Hasutan 1948 (BH Online, 2025). Secara diskursif, kenyataan Iswardy di Facebook membina wacana dalam audiens digital yang menormalisasikan bahasa penghinaan terhadap institusi diraja manakala denda dan liputan media berperanan sebagai penolakan rasmi terhadap bentuk ucapan tersebut. Secara konstruktivis, hukuman dan publisiti kes mengukuhkan norma bahawa Raja tidak wajar menjadi subjek penghinaan terbuka dan penetapan sempadan antara kritikan politik yang dibenarkan dan ucapan yang ditafsir mencemarkan kemuliaan institusi diraja.

Kesemua kes yang telah diterangkan menunjukkan bahawa isu 3R sering dicetuskan melalui ucapan aktor politik dan masyarakat, kemudiannya disusuli tindakan berbentuk siasatan, pendakwaan atau hukuman oleh institusi seperti PDRM, SKMM dan mahkamah. Pola ini menunjukkan bagaimana wacana aktor digabungkan dengan wacana institusi untuk membentuk norma sensitiviti 3R dan menetapkan sempadan wacana tentang apa yang boleh dan tidak boleh diungkapkan dalam ruang awam. Bahagian seterusnya akan dijelaskan secara lebih mendalam berkenaan pola yang ditunjukkan ini.

Perbincangan

Bahagian ini membentangkan bukti empirikal tentang bagaimana perbincangan 3R disusun sebagai wacana koordinatif dan dijustifikasi sebagai wacana komunikatif lalu menstabilkan norma sensitiviti serta menetapkan batas apa yang boleh atau tidak boleh diucapkan dalam ruang awam (Schmidt, 2017; Hay, 2017). Berpanduan Rajah 1, interaksi antara pembinaan wacana institusi, pengesahan melalui liputan media dan respons penguatkuasaan membentuk sekatan formal yang mencetus *chilling effect* apabila individu menahan diri akibat ketidakpastian tafsiran dan risiko tindakan (Schauer, 1978). Apabila ucapan dibingkaikan sebagai “ancaman” kepada keharmonian dan kestabilan, proses *securitization* mewajarkan kawalan melalui *speech act* aktor berautoriti serta penerimaan masyarakat (Buzan et al., 1998; Williams, 2003; Balzacq, 2011; Neo, 2019). Contohnya, kes Mohd Hafez Sabri dan Lim Guan Eng serta siasatan di bawah Akta Hasutan dan AKM 1998 menunjukkan bagaimana naratif institusi diperkukuh melalui liputan dan rujukan kepada sumber rasmi (MalaysiaKini, 2025; Nordin, 2023; Ramayah, 2023). Hal ini selari dengan hujah bahawa kuasa institusi media beroperasi melalui rutin organisasi, *gatekeeping* dan keutamaan sumber autoritatif yang mengecilkan ruang tafsiran alternatif (Cook, 2012; Shoemaker & Vos, 2009; Bennett, 1990).

Pada masa yang sama, institusionalisme konstruktivis menerangkan bagaimana norma sosial terbentuk melalui interaksi berterusan antara institusi dan masyarakat. Kes seperti kritikan berkaitan Islam oleh Harith Iskander dan Cecelia Yap serta kenyataan Teresa Kok tentang pensijilan halal menunjukkan bagaimana institusi bertindak balas terhadap wacana yang mencabar norma agama melalui siasatan dan denda (Ezreen, 2025; Nordin, 2024). Dalam konteks ini, norma agama dikekalkan sebagai isu sensitif melalui peranan institusi yang menghadkan perbincangan terbuka. Hay (2017) menegaskan norma dibina secara berstruktur melalui tindakan institusi dan diterapkan dalam kehidupan masyarakat. Justeru, wacana yang mencabar norma tersebut mudah ditafsir sebagai ancaman kepada keharmonian sosial dan mendorong kawalan yang lebih ketat.

Isu berkaitan institusi diraja memperlihatkan bagaimana institusi berperanan mempertahankan struktur kuasa. Sebagai contoh, kenyataan Datuk Seri Sanusi Md Nor, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima reaksi tegas melalui siasatan serta pendakwaan di bawah Akta Hasutan 1948 dan AKM 1998 (Mokhtar, 2023a; KiniTV, 2023; Ezreen, 2024). Daripada perspektif institusionalisme diskursif, wacana yang mencabar institusi raja dianggap melampaui batas yang dibenarkan lalu memerlukan tindakan untuk mengekalkan legitimasi institusi tersebut (Schmidt, 2017). Daripada perspektif institusionalisme konstruktivis, tindak balas ini mengukuhkan norma bahawa institusi diraja tidak wajar dipersoalkan secara terbuka sekali gus mengikat kebebasan bersuara kepada limitasi yang ditetapkan institusi, bukan semata-mata pada pertimbangan hak asasi manusia.

Corak komunikasi yang dibincangkan menunjukkan bagaimana naratif rasmi dibentuk secara sistematik oleh institusi untuk mengawal perbincangan awam memandangkan alasan kestabilan serta keharmonian sosial sering dijadikan asas utama untuk mengawal hak bersuara. Dalam kes yang melibatkan

isu perkauman seperti kenyataan oleh Mahathir dan Razman Zakaria yang bercakap soal penyatuan berdasarkan ciri fizikal, institusi berperanan untuk menentukan bentuk tindakan dan batasan dalam setiap ucapan yang dikeluarkan (Sulaiman, 2024; Malaysiakini, 2024). Ulasan ini bertepatan dengan kajian oleh Shukri (2023) kerana wacana institusi sering menggunakan isu agama dan bangsa sebagai instrumen terhadap kawalan sosial dan politik. Roe (2023) turut berpandangan dalam situasi ini, kuasa institusi akan diterjemahkan dalam bentuk naratif yang mencipta kesan bagi setiap tindakan mereka yang akhirnya membentuk persepsi umum tentang limitasi ucapan secara terbuka.

Pola penguatkuasaan kes 3R menunjukkan perbezaan tahap tindakan yang dilaporkan media. Sebagai contoh, kes Sanusi Md Nor dan Muhyiddin Yassin menerima respons lebih segera dan tegas melalui siasatan serta pendakwaan berunsur hasutan (Mokhtar, 2023a; Ezreen, 2024) manakala kes seperti Teresa Kok dan Iswardy Morni pula dilapor dikenakan tindakan yang lebih ringan walaupun kenyataan mereka turut dianggap sensitif. Perbezaan ini tidak membuktikan berat sebelah secara muktamad tetapi aspek ini relevan untuk dibincangkan melalui institusionalisme diskursif dan konstruktivis kerana ia merujuk kepada tindakan institusi menetapkan sempadan wacana sementara pengulangan tindakan dan liputan media mengukuhkan norma sensitiviti 3R.

Mengenai peranan media, perkara ini tidak boleh diketepikan memandangkan mereka adalah ejen yang menyebarkan dan memperkukuhkan satu-satu naratif. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Ganter dan Löblich (2021), media berfungsi sebagai ejen komunikasi institusi yang melaporkan tentang isu 3R yang lebih berpihak kepada kepentingan institusi pemerintah melalui cara ia disusun dan disampaikan kepada masyarakat. Dalam konteks Malaysia, media arus perdana kebiasaannya beroperasi melalui mekanisme *gatekeeping* (Cook, 2012; Shoemaker & Vos, 2009; Bennett, 1990) yang bergantung pada sumber autoritatif seperti kenyataan PDRM atau SKMM, pihak kerajaan dan prosiding mahkamah.

Maka, laporan sering dibingkaikan melalui perspektif kestabilan dan keharmonian melalui penekanan status siasatan, pendakwaan dan hukuman berbanding penghujahan alternatif (Nor & Gale, 2021). Sebaliknya, platform digital menyediakan ruang wacana yang lebih terbuka dan pantas di mana ia dipacu oleh perkongsian pengguna dan penularan kandungan. Namun begitu, ia masih dikawal melalui pemantauan dan kawalan institusi yang mana pada akhirnya akan mendorong amalan *self-censorship* (Schauer, 1978) dalam kalangan pengguna. Oleh hal yang demikian, kawalan hak untuk bersuara bukan hanya berlaku dalam media tradisional semata-mata malahan, turut berlaku dalam ruang digital yang lebih terbuka. Perkara ini bertepatan dengan dapatan Meerangani et al. (2024) bahawa institusi semakin memperketatkan pengawasan terhadap kandungan digital berkaitan isu 3R bagi mengelakkan ketegangan sosial meskipun pendekatan ini sering dikritik kerana berpotensi mengekang kebebasan bersuara.

Justeru itu, gabungan institusionalisme diskursif dan konstruktivis telah memberikan gambaran secara lebih jelas bagaimana institusi seperti kerajaan menggunakan kuasa mereka melalui agensi seperti PDRM dan SKMM bagi mengawal bukan hanya perihal dasar tetapi juga interpretasi sosial yang dibentuk melalui wacana tertentu. Naratif ancaman seperti “mengancam kedudukan Islam”, “hak istimewa orang Melayu terjejas” dan “institusi diraja diancam” akan terus digunakan bagi mewajarkan batasan kebebasan bersuara serta mengukuhkan kedudukan aktor berkepentingan (Buzan et al., 1998; Williams, 2003; Balzacq, 2011; Neo, 2019). Kawalan berasaskan emosi dan ketakutan membantu meraih legitimasi tindakan institusi dan menjadikan komunikasi institusi bukan sekadar penyampaian maklumat tetapi juga instrumen kawalan sosial.

Kesimpulan

Kajian ini menjelaskan bahawa isu 3R berfungsi sebagai wacana institusi yang menstruktur limitasi ucapan melalui naratif ancaman, saluran komunikasi dan respons penguatkuasaan. Daripada sudut teori, rantaian wacana ini bermula daripada pembinaan makna hingga kepada penginstitutionan norma sensitiviti telah menerangkan bagaimana cara institusi menstabilkan tertib sosial. Daripada sudut polisi, terdapat keperluan garis penjelasan dan justifikasi tindakan yang lebih konsisten serta telus supaya 3R tidak menjadi instrumen untuk mengekang kritikan yang sah. Daripada sudut demokrasi, pengulangan naratif ancaman berisiko mendorong tindakan *self-censorship* dan mengalihkan perbincangan awam daripada hujah dasar yang substantif kepada ketakutan terhadap tindakan. Limitasi kajian ini ialah tumpuan data kepada laporan media di mana kajian lanjutan wajar dilakukan dengan kaedah triangulasi data melalui temu bual atau tinjauan persepsi. Ini

bagi menilai penerimaan norma sensitiviti 3R serta kesannya terhadap hak bersuara di samping membina set data kes 3R yang lebih menyeluruh seperti aspek siasatan, kompaun, pendakwaan dan keputusan mahkamah. Selain itu, gabungan data media sosial juga penting untuk menilai kesan jangka panjang terhadap deliberasi demokrasi serta keseimbangan kebebasan bersuara dengan keharmonian sosial.

Penghargaan: Penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan atas sokongan untuk menghasilkan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdul Hamid, A. F., & Zawawi, N. (2023). The interplay of race, religion and royalty in contemporary Malaysian politics. In K. Rajandran & C. Lee (Eds.), *Discursive approaches to politics in Malaysia: Legitimising governance* (pp. 17–32). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-19-5334-7_2
- Abdul Rahman, Y. (2017). Impak kawalan state terhadap kebebasan media di Malaysia (*Impact of state control on media freedom in Malaysia*). *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 14(7), Article 004. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22741/0>
- Ali, S. (2024, Disember 10). Sanusi lepas dan bebas tuduhan menghasut berkaitan Sultan Selangor. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1164526/sanusi-lepas-dan-bebas-tuduhan-menghasut-berkaitan-sultan-selangor>
- Aminnuddin, N. A. (2020). Ethnic differences and predictors of racial and religious discriminations among Malaysian Malays and Chinese. *Cogent Psychology*, 7(1), 1766737. <https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1766737>
- Anggrayni, D., Abu Hassan, B. R., Peng Kee, C., Abdullah, M. Y. H., & Abdul Latif, R. (2017). Sistem regulasi media siaran Indonesia dan Malaysia (*Broadcasting regulation system of Indonesia & Malaysia*). *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 14(3), Article 015. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22476>
- Astro Awani. (2024, September 25). Muhammad Sanusi mohon ampun kepada Sultan Selangor. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muhammad-sanusi-mohon-ampun-kepada-sultan-selangor-489313>
- Balzacq, T. (Ed.). (2011). *Securitization theory: How security problems emerge and dissolve*. Routledge.
- Barrett, P., Kurian, P., Simmonds, N., & Cretney, R. (2021). Explaining reflexive governance through discursive institutionalism: estuarine restoration in Aotearoa New Zealand. *Journal of Environmental Policy & Planning*, 23(3), 332–344. <https://doi.org/10.1080/1523908X.2021.1885358>
- Bennett, W. L. (1990). Toward a theory of press-state relations in the United States. *Journal of Communication*, 40(2), 103–127. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1990.tb02265.x>
- BH Online. (2025, Januari 23). Hina Agong: Iswardy Morni didenda RM5,000. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1352920/hina-agong-iswardy-morni-didenda-rm5000>
- Buzan, B., Wæver, O., & De Wilde, J. (1998). *Security: A new framework for analysis*. Lynne Rienner Publishers.
- Cook, T. E. (2012). *Governing with the news: The news media as a political institution (2nd ed.)*. University of Chicago press. (Original work published 2005)
- Ezreen, H. (2025, Januari 28). Komen Berbaur Hinaan terhadap Islam, Cecelia Yap Terpalit Kontroversi 'HaM' Tampil Mohon Maaf. TRP. <https://www.therakyatpost.com/trpbm/2025/01/28/komen-berbaur-hinaan-terhadap-islam-cecelia-yap-terpalit-kontroversi-ham-tampil-mohon-maaf/>
- Ezreen, H. (2024, Ogos 27). Muhyiddin mengaku tidak bersalah atas tuduhan menghasut, mohon dibicarakan. TRP. <https://www.therakyatpost.com/trpbm/2024/08/27/muhyiddin-mengaku-tidak-bersalah-atas-tuduhan-menghasut-mohon-dibicarakan/>

- Ganter, S. A., & Löblich, M. (2021). Discursive media institutionalism: Assessing Vivien A. Schmidt's framework and its value for media and communication studies. *International Journal of Communication*, 15, 2281-2300. <http://dx.doi.org/10.17169/refubium-31309>
- Hamanduna, A. O. L., & Widjanarko, P. (2023). Discourse network on the revision of Indonesian information and electronic transaction law. *Jurnal Studi Komunikasi*, 7(2), 519-538. <https://doi.org/10.25139/jsk.v7i2.5496>
- Hay, C. (2017). The interdependence of intra-and inter-subjectivity in constructivist institutionalism. *Critical Review*, 29(2), 235-247. <https://doi.org/10.1080/08913811.2017.1366667>
- Islam, M. Z. (2019). Contemporary debate on freedom of speech and expression concerning film censorship Laws in Malaysia. *Legal Network Series*, 1.
- Ismail, A. I. (2023, Julai 10). Sentuh isu 3R: Polis siasat Abdul Hadi | Sinar Harian. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/267399/berita/semasa/sentuh-isu-3r-polis-siasat-abdul-hadi>
- Jerome, C., Hasbi, N., & Ting, S. H. (2024). "Stop being racist": What Malaysians say about race on social media - a thematic analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 392-407. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.936030>
- KiniTV. (2023, Jun 9). "Buktikan saya salah", kata Dr M berkait kenyataan terhadap raja [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=zSx80VKKTNk>
- Malaysiakini. (2024, Oktober 27). Siasat ketua PAS Perak kerana ucapan perkauman - Pemuda DAP. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/724071>
- Malaysiakini. (2025, September 3). Pemimpin Pemuda PAS disiasat isu hantaran palsu, perkauman. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/754079>
- Malhi, A. (2015). Like a child with two parents: Race, religion and royalty on the Siam-Malaya Frontier, 1895-1902. *The Muslim World*, 105(4), 472-495. <https://doi.org/10.1111/muwo.12107>
- Meerangani, K. A., Hamid, M. F. A., Abd, N. A., Wahab, A. S., & Martin, D. (2024). The influence of 3R (race, religion, royalty) on the harmony of society in the digital era. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(5), 2076-2083. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.805150>
- Mohd Sani, M. A. (2008). Freedom of speech and democracy in Malaysia. *Asian Journal of Political Science*, 16(1), 85-104. <https://doi.org/10.1080/02185370801962440>
- Mohd Sani, M. A., & Shah, D. D. A. H. (2020). Freedom of religious expression in Malaysia. *Journal of International Studies*, 7, 33-49. <https://doi.org/10.32890/jis.7.2011.7916>
- Mokhtar, N. A. (2023a, Julai 13). Polis siasat Sanusi dakwaan hina Sultan Selangor. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126134/polis-siasat-sanusi-dakwaan-hina-sultan-selangor>
- Mokhtar, N. A. (2023b, Ogos 29). Tun M disiasat kes kenyataan berunsur hina institusi diraja – Bukit Aman. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1146413/tun-m-disiasat-kes-kenyataan-berunsur-hina-institusi-diraja-bukit>
- Neo, J. L. (2019). Dimensions of religious harmony as constitutional practice: Beyond state control. *German Law Journal*, 20(7), 966-985. <https://doi.org/10.1017/glj.2019.78>
- Nordin, A. (2023, Julai 9). Lim Guan Eng disiasat ucapan sentuh isu 3R. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/lim-guan-eng-disiasat-ucapan-sentuh-isu-3r/>
- Nordin, A. (2024, September 8). Teresa Kok disiasat kenyataan berkaitan isu pensijilan halal – KPN. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2024/09/08/teresa-kok-disiasat-kenyataan-berkaitan-isu-pensijilan-halal-kpn/>
- Nor, M. W. M., & Gale, P. (2021). Growing fear of Islamisation: Representation of online media in Malaysia. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 41(1), 17-33. <https://doi.org/10.1080/13602004.2021.1903161>
- Nor, M. W. M., Syed Hussien Al-Attas, S. F. A., & Ghazali, L. S. (2023). Realising accepted UPR recommendations: Challenges and realities in Malaysia's commitment to enforce freedom of expression. *Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 3, 66-81. <https://doi.org/10.17576/sinergi.si1.2023.05>

- Ramayah, U. (2023, Julai 8). Isu “gelombang hijau” roboh tokong: Guan Eng paksa pengundi Cina undi DAP? *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/isu-gelombang-hijau-roboh-tokong-guan-eng-paksa-pengundi-cina-undi-dap-427248>
- Roe, J. (2023). Towards an understanding of institutionality, culture, and organization in relation to power in discourse studies. *Journal of Multicultural Discourses*, 18, 78-86. <https://doi.org/10.1080/17447143.2023.2209053>
- Rosli, F. A. (2025, Mac 5). Isu “ham”: Harith Iskander, Cecelia Yap dikompaun RM10,000. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193679/isu-ham-harith-iskander-cecelia-yap-dikompaun-rm10000>
- Saidin, M. I. S., & Azrun, N. (2024). Digital media and religious sentiments in Malaysia: Critical discourse analysis of Pan-Malaysian Islamic Party and Democratic Action Party Cyberspace Campaigns in the 15th General Election. *Religions*, 15(8), 920. <https://doi.org/10.3390/rel15080920>
- Schauer, F. (1978). Fear, risk, and the First Amendment: Unraveling the chilling effect. *Boston University Law Review*, 58(5), 685–732. <https://scholarship.law.wm.edu/facpubs/879>
- Schmidt, V. A. (2017). Theorizing ideas and discourse in political science: intersubjectivity, neo-institutionalisms, and the power of ideas. *Critical Review*, 29(2), 248-263. <https://doi.org/10.1080/08913811.2017.1366665>
- Shah, D. (2022). The ‘three Rs’ in Malaysia’s Struggle for Constitutional Democracy. *Federal Law Review*, 50(2), 137-155. <https://doi.org/10.1177/0067205X221087460>
- Sharma, I. (2019). Contextualising hate speech: A study of India and Malaysia. *Journal of International Studies*, 15, 133-144. <https://doi.org/10.32890/jis.15.2019.9264>
- Shoemaker, P. J., & Vos, T. (2009). *Gatekeeping theory*. Routledge.
- Shukri, S. (2023). Digital authoritarianism: protecting Islam in multireligious Malaysia. *Religions*, 14(1), 87. <https://doi.org/10.3390/rel14010087>
- Sinar Harian. (2024, Oktober 29). Hantaran isu 3R: SKMM ambil keterangan Razman. <https://www.sinarharian.com.my/article/693829/berita/semasa/hantaran-isu-3r-skmm-ambil-keterangan-razman>
- Sulaiman, N. A. (2024, Januari 23). 'Saya diperlakukan seperti penjenayah, tidak boleh suarakan pendirian sendiri' - Tun M. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203794/saya-diperlakukan-seperti-penjenayah-tidak-boleh-suarakan-pendirian>
- Sulong, R. H. R., Abd Rahman, M. Z., & Hussain, A. M. (2019). The development of a multi-ethnic and multi-religious society in Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 105-115. <https://doi.org/10.22452/jat.vol14no1.9>
- Sumali, N. I. (2024, Januari 20). *Persoal kesetiaan kaum India, Cina: PN tidak setuju kenyataan Tun M. Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/pn-tidak-setuju-kenyataan-tun-m/>
- Williams, M. C. (2003). Words, images, enemies: Securitization and international politics. *International studies quarterly*, 47(4), 511-531. <https://doi.org/10.1046/j.0020-8833.2003.00277.x>
- Yussoff, S. F. B. C., & Nordin, R. (2021). Freedom of expression in Malaysia: Compatibility with the international human rights standard. *Bestuur*, 9(1), 34-42. <https://doi.org/10.20961/bestuur.v9i1.51637>
- Zamri, N. A. K., Mohamad Nasir, N. A., Hassim, M. N., & Ramli, S. M. (2023). Digital hate speech and othering: The construction of hate speech from Malaysian perspectives. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), Article 2229089. <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2229089>